

13 OCT 2003  
OIC-Isteri/I

KEBAYA MALAYSIA DENGAN SENTUHAN MODERN, MENARIK TUMPUAN ASING

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Isteri menteri dan duta asing berpeluang menyaksikan fesyen terbaru bagi wanita Islam pada majlis jamuan tengah hari yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada program para isteri sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Jamuan tengah hari itu yang dihoskan Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin, isteri Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar, dihadiri oleh Atioukpe Justine Biaou, isteri Menteri Luar Benin dan para isteri duta asing berpejabat di Malaysia.

Pertunjukan fesyen itu mempersembahkan pakaian tradisional Malaysia yang mempesonakan dan kilauan koleksi barang kemas para pereka tempatan.

Terdapat Kebaya yang telah diberikan sentuhan moden. Kebaya yang biasanya dipakai dengan kain sarung, dipasangkan dengan seluar longgar yang dilengkapi dengan pemakaian tudung berwarna pastel.

Beberapa tetamu dilihat memberikan isyarat kepada model yang menggayakan fesyen itu supaya merapati meja mereka untuk membolehkan mereka melihat lebih dekat barang kemas berkilauan serta sulaman indah dan halus pada pakaian yang dikenakan.

"Wanita Islam tidak semestinya hanya memakai jubah yang berwarna suram. Apa yang dipertontonkan hari ini menunjukkan bahawa wanita Islam boleh kelihatan cantik dan anggun walaupun mereka perlu menutup seluruh tubuh mereka.

"Kita berharap untuk membawa perubahan dalam sikap wanita Islam yang beranggapan memakai jubah dan tudung akan membuatkan mereka kelihatan hodoh dan konservatif.

"Diharapkan ia akan menarik minat di kalangan mereka yang berhasrat memakai tudung supaya berbuat demikian dalam masa terdekat," kata Sharifah Aziah kepada pemberita selepas pertunjukan itu.

Beliau berkata adalah diharapkan program bagi para isteri atau pasangan itu terus dimasukkan pada Sidang Kemuncak OIC akan datang kerana ia akan membolehkan mereka bertemu dengan yang lain untuk berkongsi pandangan dan pengalaman.

"Bukan menjadi budaya anggota delegasi OIC membawa isteri mereka ke mesyuarat seperti ini tetapi ia sudah berubah sekarang. Diharapkan lebih ramai wanita akan menyertainya pada masa depan," katanya.

Dengan menganjurkan pertunjukan fesyen kontemporari wanita Islam seperti itu diharapkan dapat mencapai matlamat untuk meningkatkan imej wanita Islam.

Sharifah Aziah berkata kebanyakan isteri Menteri Luar negara anggota OIC masih belum tiba kerana mereka akan mengiringi Wanita Pertama negara mereka sebelum mesyuarat Ketua Negara dan Kerajaan OIC pada Khamis dan Jumaat yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA  
RT AZZ RON